



### **NOTIS PRIVASI**

India International Bank (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 911666-D) adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Notis Privasi ini dan terma-terma dalam perjanjian privasi anda dengan kami.

Notis Privasi ini menggariskan bagaimana India International Bank (Malaysia) Berhad mengumpul, menggunakan, mengekalkan dan mendedahkan data peribadi anda berkenaan dengan transaksi anda dan bagaimana pihak Bank melindungi data peribadi anda.

"IIBM " atau "Bank" dalam notis ini merujuk kepada India International Bank (Malaysia) Berhad, termasuk cawangan-cawangan Bank di Malaysia.

#### **Pengumpulan Data Peribadi**

Data peribadi merujuk kepada apa-apa maklumat/data yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada individu/atau urus niaga anda dengan Bank. Data ini merangkumi tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, pekerjaan, status perkahwinan, maklumat perhubungan, umur, pendapatan, atau butiran cukai pendapatan, maklumat kewangan, kad pengenalan atau butiran pasport, tempat lahir, sejarah kredit dan sejarah transaksi anda.

Untuk membolehkan kami menangani pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan akaun/menyediakan kemudahan untuk anda dan/atau untuk secara amnya menawarkan produk-produk dan perkhidmatan kami, pihak Bank mungkin memerlukan dan/atau diperlukan untuk mengumpul, mengguna, mendedahkan dan menyimpan (iaitu "memproses") maklumat/data peribadi anda.

Bank mengumpul data peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) melalui hubungan anda dengan Bank, sebagai contoh maklumat yang anda berikan dalam borang permohonan, apabila menggunakan produk atau perkhidmatan kami, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, promosi dan semasa semakan kewangan;
- b) apabila berurusan dengan Bank melalui pelbagai kaedah seperti borang permohonan, surat dan e-mel, panggilan telefon dan perbualan anda dengan kakitangan Bank di Ibu Pejabat atau di cawangan-cawangan Bank;
- c) daripada pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti majikan, pemegang akaun bersama, penjamin, tertakluk kepada persetujuan anda;
- d) daripada analisa bagaimana cara anda menggunakan dan menguruskan akaun anda/kemudahan dengan kami (contohnya sejarah pembayaran, pinjaman atau baki deposit);
- e) apabila kami mendapatkan apa-apa data dan maklumat daripada pihak ketiga yang diberi mandat (contoh agensi rujukan kredit, agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan, majikan, pemegang akaun bersama, penjamin, wakil undang-undang); dan/atau
- f) daripada rakaman CCTV bagi maksud pengawasan premis atau untuk keselamatan awam, untuk tujuan jaminan kualiti dan/atau untuk rekod-rekod Bank, yang dianggap berkaitan.

Data peribadi yang kami kumpul boleh dikategorikan kepada data wajib atau sukarela. Data peribadi wajib ialah data peribadi yang kami perlukan untuk membolehkan kami memproses permohonan anda untuk produk atau perkhidmatan kami. Sekiranya anda tidak memberikan data peribadi wajib, pihak Bank tidak akan dapat menawarkan produk dan perkhidmatan kami kepada anda.

#### **Bagaimana Kami Menggunakan Data Peribadi Anda**

Bank boleh menggunakan data peribadi anda untuk satu atau lebih daripada tujuan-tujuan berikut:



- a) Untuk menjalankan perniagaan perbankan;
- b) Untuk menilai permintaan pelanggan untuk produk dan perkhidmatan Bank;
- c) Untuk membuktikan identiti dan latar belakang pelanggan;
- d) Untuk mengesahkan kedudukan kewangan pelanggan melalui pemeriksaan rujukan kredit dan untuk membuktikan kebolehpercayaan kredit pelanggan;
- e) Mengurus dan menyenggara akaun dan kemudahan pelanggan dengan kami;
- f) Untuk membolehkan Bank mempertimbangkan sama ada untuk menawarkan atau terus menawarkan kepada pelanggan mana-mana produk dan perkhidmatan bank;
- g) Untuk lebih memahami keperluan semasa dan masa depan kewangan dan pelaburan pelanggan;
- h) Menguruskan perniagaan dan hubungan kami dengan pihak pelanggan;
- i) Untuk memberikan pihak pelanggan maklumat berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan tawaran pihak Bank dan pihak ketiga yang mungkin menarik perhatian pelanggan;
- j) Memaklumkan kepada pelanggan tentang manfaat dan perubahan ciri-ciri produk dan perkhidmatan;
- k) Untuk meningkatkan, memperbaiki produk dan perkhidmatan kami dan untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan baru;
- l) Mengendalikan tawaran dan promosi;
- m) Untuk mengemas kini, menyatukan dan meningkatkan ketepatan rekod kami;
- n) Untuk menghasilkan data, laporan dan statistik secara keseluruhan tanpa mengenalpasti pelanggan sebagai seorang individu;
- o) Untuk menjalankan penyelidikan bagi tujuan analisa, termasuk tetapi tidak terhad kepada perlombongan data dan analisa transaksi pelanggan dengan kami;
- p) Untuk memenuhi keperluan pendedahan undang-undang atau kontrak yang mengikat India International Bank Malaysia Berhad;
- q) Untuk memindahkan atau menyerahkan hak dan obligasi kami di bawah perjanjian-perjanjian dengan pihak pelanggan;
- r) Untuk melindungi atau menguatkuasakan hak Bank untuk mendapatkan apa-apa hutang yang terhutang kepada kami;
- s) Bagi tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- t) Untuk memberi respons kepada pertanyaan dan aduan;
- u) Untuk menilai risiko kewangan;
- v) Menjalankan pemeriksaan Anti Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan;
- w) Untuk pengesahan, pencegahan dan pendakwaan jenayah;
- x) Penggunaan rakaman CCTV bagi tujuan keselamatan awam; mengenalpasti dan menghalang penggunaan kemudahan, produk, perkhidmatan dan/atau premis kami yang mencurigakan, tidak sesuai atau tidak dibenarkan, dan untuk tujuan memastikan jaminan kualiti; dan / atau
- y) Bagi tujuan-tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan dan / atau garis panduan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

Kami akan meminta kebenaran anda sebelum menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan dalam terma-terma privasi dalam perjanjian anda dengan pihak Bank.

### **Pendedahan Data Peribadi Anda**

Data peribadi yang kami kendalikan akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan pihak Bank menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda dan pengurusan dan / atau operasinya, dan bagi memenuhi kehendak undang-undang dan peraturan, pihak Bank mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut:

- a) Pemegang saham IIBM;



- b) Agensi rujukan kredit;
- c) ejen Bank dan penyedia perkhidmatan yang diberi kuasa di mana pihak Bank mempunyai perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti;
- d) syarikat-syarikat dan / atau organisasi yang bertindak sebagai ejen Bank dan / atau penasihat profesional;
- e) penasihat anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan atau penasihat profesional yang lain) di mana dibenarkan oleh anda;
- f) mana-mana orang yang diberitahu oleh anda yang diberi kuasa untuk memberi arahan atau menggunakan akaun / kemudahan atau produk atau perkhidmatan bagi pihak anda;
- g) penguatkuasaan agensi kawal selia dan kerajaan seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh andamana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi obligasi kepada pihak berkuasa; dan / atau
- h) mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh anda.

Pendedahan data peribadi anda mungkin melibatkan pemindahan data peribadi ke kawasan di luar Malaysia, dan dengan memberikan data peribadi anda, bersetuju dengan pemindahan tersebut bagi menyediakan perkhidmatan yang diminta oleh anda, dan untuk pelaksanaan apa-apa obligasi kontrak anda dengan pihak Bank.

#### **Keselamatan Data Peribadi Anda**

Keselamatan data peribadi anda merupakan keutamaan kami.

IIBM sentiasa mengkaji dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan organisasi dan teknikal yang terkini apabila memproses data peribadi anda. Pegawai Bank dilatih untuk mengendalikan data peribadi dengan selamat dan sulit, di mana sekiranya gagal berbuat demikian, mereka boleh dikenakan tindakan disiplin.

Sekiranya kami mendedahkan data peribadi anda kepada agen Bank atau pembekal perkhidmatan, pihak Bank akan memerlukan mereka melindungi data peribadi yang diberikan kepada mereka dengan sewajarnya.

#### **Pengekalan Data Peribadi Anda**

Kami hanya akan menyimpan maklumat peribadi anda sebagaimana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia dan keperluan dalaman.

#### **Hak Anda untuk mengakses dan membetulkan Data Peribadi Anda**

Pihak Bank komited untuk memastikan bahawa data peribadi IIBM yang dikendalikan adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Jika terdapat apa-apa perubahan kepada data peribadi anda atau jika anda mendapati bahawa data peribadi anda adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskini, sila hubungi pihak Bank bagi mengambil langkah-langkah untuk mengemaskini data peribadi anda.

Jika anda ingin mengakses data peribadi anda, sila hubungi pihak Bank. Pihak Bank mungkin mengambil langkah-langkah untuk mengesahkan identiti anda sebelum melayani permintaan anda. Bergantung kepada maklumat yang diminta pihak Bank akan mengenakan kos minima.

Bank mempunyai hak untuk menahan akses kepada data peribadi anda dalam keadaan tertentu, sebagai contoh apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana data yang diminta adalah



bersifat sulit dari segi komersil. Walau bagaimanapun, pihak Bank akan memaklumkan sebab-sebab tidak dapat memenuhi permintaan anda.

Sila ambil perhatian bahawa Bank boleh melaksanakan budi bicara dalam membenarkan pembetulan dan/atau boleh meminta bukti dokumen lanjut untuk data baru bagi mengelakkan penipuan dan ketidaktepatan. Anda juga boleh membantu kami untuk memastikan data peribadi anda (seperti alamat semasa anda) dikemaskini, kerana ia akan membolehkan kami memberi layanan yang lebih baik untuk anda.

### **Melaksanakan Pilihan Keatas Pendedahan , Penyimpanan dan Penggunaan Data Peribadi Anda**

Tertakluk kepada hak dan obligasi kontrak kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan, anda boleh melaksanakan pilihan anda berhubung dengan pendedahan, penyimpanan dan penggunaan data peribadi anda. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, sila hubungi pihak Bank.

### **Semakan Notis Privasi**

Notis Privasi ini boleh dipinda dari masa ke semasa. Sebarang pindaan terhadap Notis ini akan dikemaskinikan dalam laman web kami dan/atau dipaparkan melalui cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh kami.

Notis Privasi ini kali terakhir dikemaskini pada April 2014.

### **Menghubungi Kami mengenai Privasi anda**

Sekiranya anda ingin menghubungi Bank, anda boleh melawat cawangan dan bercakap dengan mana-mana Pegawai Perkhidmatan Pelanggan, atau hubungi kami terus di +603 2026 1767 atau e-mel : [cs@iibm.com.my](mailto:cs@iibm.com.my)

Notis Privasi ini disediakan dalam dua versi, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara kedua-dua versi ini, versi bahasa Inggeris akan digunakan. Jika terdapat percanggahan antara Notis Privasi ini dengan terma dan syarat produk atau perkhidmatan tertentu berkenaan cara kami mengumpul atau menggunakan data peribadi anda, terma dan syarat produk atau perkhidmatan akan digunakan.